

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: 16 Januari 2017 16:04
To: UUM - All Staff; CAS - EDML net
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Zairi Afandi bin Ishak
Subject: MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) UUM-UHAMKA (UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH PROF. DR. HAMKA



Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES

Universiti Utara Malaysia



16 JANUARI 2017 / 17 RABIULAKHIR 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) UUM-UHAMKA (UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH PROF. DR. HAMKA



SEML ONLINE: Majlis menandatangani dan penyerahan dokumen Perjanjian Kerjasama (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka (UHAMKA) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Saujana, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden UUMCAS pada 11 Januari 2017.

Dalam majlis tersebut, UUM diwakili oleh Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Prof. Madya Mejar Dr. Yahya Don manakala pihak UHAMKA diwakili oleh Ketua Badan Pembina Harian UHAMKA, Prof. Dr. Dadang Kahmad.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan perbincangan dua hala berkaitan pengisian MoU dan "Academic Talk" yang disampaikan oleh Prof. Dr. Rosna Awang Hashim. Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan beberapa aktiviti bersama seperti program "double degree", "matching" geran, penerbitan buku dan bab dalam buku, penerbitan jurnal berimpak tinggi, penganjuran seminar antarabangsa, mobiliti berkredit dan tidak berkredit, praktikum pelajar, pertukaran pensyarah (pensyarah pelawat) dan penyelidikan antarabangsa.

Wakil UHAMKA yang turut hadir dalam majlis tersebut ialah Prof. Dr. Gunawan Suryoputro (Wakil Rektor I Bidang Akademik), Dr. Muchdie (Wakil Rektor II Bidang Sumber Daya Manusia, Manajemen dan Keuangan), Dr. Zamah Sari (Wakil Rektor IV Bidang Al Islam dan Kemuhammadiyah) dan Dr. Purnama Syae Purrohan (Kepala Kantor Urusan Internasional). Manakala wakil UUM yang turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi, Pengarah CIAC, Timbalan Dekan SEML Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff, Ketua-Ketua Jabatan, Penyelaras, Dr. Abdul Hamid Busthami Nur (pengiring delegasi UHAMKA) dan staf Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden.

Delegasi UHAMKA juga dibawa melawat Anjung Tamu UUM, Galeri UUM dan sekitar kawasan kampus.

Habis.

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.